

# Pelan mitigasi tanah runtuh jangka panjang dirancang

Oleh Nor Azizah Mokhtar - Disember 18, 2023



Kejadian tanah runtuh menyebabkan loji kumbahan IWK terjejas bersebelahan Taman Wawasan, Puchong - Foto NSTP/Aizuddin Saad

Serdang : Pelan mitigasi jangka panjang bagi memastikan kejadian tanah runtuh di Jalan Wawasan 3/9 dan 3/14, Taman Wawasan, Puchong di sini, tidak berulang, sedang dibincangkan.

Jurucakap Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) memaklumkan siasatan oleh pelbagai jabatan kini sedang dijalankan bagi menentukan pelan tebatan jangka panjang yang bersesuaian.

Katanya, perbincangan membabitkan pihak MBSJ bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG).

"Kerjasama antara agensi ini penting dalam siasatan kerana mempunyai pelbagai kepakaran untuk membantu pihak MBSJ dalam hal ini.

"Buat masa ini, kita masih menjalankan siasatan menyeluruh bagi mengenal pasti faktor-faktor lain menyumbang kepada kejadian tanah runtuh di lokasi terbabit, kelmarin.

"Selepas itu, kita adakan perbincangan dan pembentangan mengenai dapatan hasil siasatan kerana dalam isu, ia perlu dibincangkan dengan lebih teliti," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Tambahnya, MBSJ akan mengumpul maklumat yang mencukupi sebelum mengeluarkan reka bentuk akhir dalam pelan mitigasi pengukuhan cerun.

Katanya, kejadian tanah runtuh itu adalah kejadian tidak dijangka dan ia dipengaruhi pelbagai faktor saintifik seperti perubahan iklim dan hujan lebat luar biasa.

Kejadian tanah runtuh itu dilaporkan berlaku kira-kira jam 7.30 malam kelmarin disebabkan hujan lebat yang tidak berhenti bermula jam 5.45 petang.

Berikutan itu, seramai 29 penghuni di sembilan rumah di Jalan Wawasan 3/9 dan 3/14, di Puchong dekat sini, diarah berpindah atas faktor keselamatan.

-Berita Harian